



---

**PEKELILING PENTADBIRAN  
BILANGAN 58 TAHUN 2017**

---

**PENJENAMAAN SEMULA PERPUSTAKAAN  
KEPADA PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar  
**12 Disember 2017**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/1 Jld. 6 (58)

12 DISEMBER 2017

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 58/2017

### **PENJENAMAAN SEMULA PERPUSTAKAAN KEPADA PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkenaan penjenamaan semula Perpustakaan kepada Perpustakaan Laman Hikmah menerusi kelulusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan 11 Tahun 2017 yang telah bersidang pada 23 November 2017.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Penjenamaan semula Perpustakaan bertujuan untuk meningkatkan imej korporat dan memperkasakan lagi fungsi Perpustakaan sebagai pusat kecemerlangan ilmu di samping dapat meningkatkan reputasi dan kredibiliti Universiti secara amnya.
- 2.2 Sejalan dengan keperluan tersebut, pihak Universiti bersetuju agar penjenamaan semula Perpustakaan seperti berikut :

Nama Asal	Nama Baharu
Perpustakaan	Perpustakaan Laman Hikmah

### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Selaras dengan penjenamaan semula, implikasi terhadap perubahan tadbir urus termasuk proses pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan adalah tertakluk kepada arahan daripada pihak Universiti dari semasa ke semasa.
  
- 3.2 Sehubungan dengan itu, semua staf dan pelajar Universiti diminta mengambil maklum mengenai perubahan tersebut dan penjenamaan semula ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

### **“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Pejabat Pendaftar

*lrzw*

